

Automasi dalam kewartawanan: Peranan AI sebagai pengganti atau pembantu wartawan?

Dr. Saw Teck Chew

Universiti Tunku Abdul Rahman, Perak

Email: tc_saw82@hotmail.com

Perdebatan mengenai peranan wartawan dalam dunia kewartawanan semakin didominasi oleh kecerdasan buatan (AI) bukan lagi sekadar spekulasi akademik, tetapi telah berkembang menjadi satu realiti yang mendapat perhatian serius daripada industri media, pembuat dasar dan juga para pendidik kewartawanan. AI bukan sahaja telah menembusi pelbagai aspek kehidupan seharian, tetapi kini turut mengubah secara mendasar cara wartawan belajar, berlatih, dan menjalankan tugas mereka.

AI bukan sahaja mempercepatkan tugas dalam proses pengumpulan maklumat, malah turut memperkenalkan inovasi baharu dalam cara berita disusun, ditulis dan disebarkan kepada masyarakat atau khalayak. Teknologi ini telah membuka satu ruangan yang lebih luas untuk automasi dalam dunia kewartawanan dengan kemampuan untuk menghasilkan teks, menganalisis data besar/ rumit, dan menyediakan maklumat yang lebih terperinci dalam sekelip mata. Walaupun teknologi ini nampak menarik sebab dapat megurangkan beban tugas harian, tetapi ia juga mencabar kedudukan dan tanggungjawab sebagai seorang wartawan dalam memastikan integriti dan ketepatan dalam penyampaian maklumat atau berita kepada masyarakat.

Dalam kerangka tradisional pendidikan dalam bidang kewartawanan, aktiviti temu bual dan penyiasatan lapangan telah lama menjadi komponen teras dalam pembangunan kompetensi pelajar di universiti. Pendekatan ini bertujuan untuk melatih pelajar agar dapat mengumpulkan maklumat secara langsung daripada sumber yang sahih dan memahami realiti dunia kewartawanan yang sebenar dari individu sendiri. Sebagai seorang pensyarah universiti yang berpengalaman dalam mengendalikan kursus atau bidang kewartawanan, saya sentiasa menekankan pendekatan berasaskan "temu bual sebenar" dan "pengalaman lapangan sebenar"

dalam reka bentuk kurikulum. Oleh itu tugas adalah untuk memberi dan melatih pelajar menyiapkan laparan berita dengan sendiri dan merasakan keadaan sebenar dalam proses menyiapkan tugas berkenaan. Pendekatan ini bertujuan bukan sahaja untuk membina kemahiran komunikasi, tetapi juga membina kamahiran mengatasi masalah, penilaian kritikal dan etika yang penting dalam latihan wartawan yang kompeten untuk masa depan apabila mereka menjadi seorang wartawan di industri. Namun begitu, kemunculan dan perkembangan pesat teknologi AI seperti ChatGPT kini mencabar asas pendekatan bukan sahaja di industri tetapi juga di dunia pendidikan tersebut secara langsung. Terutama ia menyebabkan pendidikan dalam bidang kewartawanan menjadi satu cabaran yang amat besar dan mencabar dari segi cara-cara untuk mengelakkan pelajar menggunakan AI dalam penulisan dan pelaporan berita dalam tugas.

Contohnya dalam satu kursus berkaitan temu bual dan penulisan berita mengenai persepsi masyarakat tentang isu semasa yang saya berikan sebagai tugas kepada pelajar dalam bidang kewartawanan baru-baru ini, para pelajar dikehendaki menjalankan temu bual lapangan dan menghasilkan sebuah penulisan berita tidak kurang daripada 1,000 patah perkataan. Tugas ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman sebenar dalam mengumpulkan maklumat daripada sumber langsung dan memahami keperluan untuk menjalankan penyiasatan yang mendalam sebelum menghasilkan penulisan yang berkualiti. Proses tugas ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk berkomunikasi dengan masyarakat yang terlibat.

Namun amat menyedihkan bahawa arahan yang saya telah menyatakan secara jelas bahawa penggunaan kandungan yang dijana AI adalah dilarang, namun lebih 50% pelajar dilaporkan menggunakan teknologi ini bagi menghasilkan tugas mereka. Alasan pelajar adalah mereka tidak mampu menghasilkan penulisan jika tanpa menggunakan AI. Dan juga ada pelajar mencabarkannya saya bahawa apa kesalahannya dia menggunakan AI menulis berita dan pelajar berpendirian bahawa dia tidak bersalah. Kenyataan ini amat menyedihkan saya. Keadaan ini juga memberi satu gambaran yang jelas tentang AI semakin berperanan dalam mempengaruhi proses pembelajaran dan kreativiti pelajar dalam dunia kewartawanan. Orang ramai telah bergantung kepada AI untuk menyiapkan tugas. Apa kata dengan di industri kewartawanan.

Meskipun hasil tugas yang dihasilkan menggunakan AI memperlihatkan kecekapan linguistik yang tinggi dengan berstruktur penulisan yang tersusun dan kualiti bahasa yang kemas. Namun persoalan besar timbul mengenai keaslian hasil kerja tersebut.

Penggunaan AI dalam menghasilkan penulisan berita mencetuskan beberapa isu yang perlu ditangani secara serius antaranya ialah kebergantungan pelajar terhadap teknologi dalam menggantikan proses kewartawanan yang sebenar, serta persoalan mengenai integriti etika mereka. Adakah pelajar benar-benar memahami proses pengumpulan maklumat yang betul? Adakah mereka menghargai pentingnya temu bual secara langsung dan penyiasatan lapangan dalam mendapatkan maklumat yang sah? Selain itu, penggunaan AI dalam menghasilkan tugas tanpa melibatkan pengalaman lapangan yang sebenar boleh menjejaskan perkembangan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh setiap wartawan.

Dalam menghadapi cabaran ini, para pendidik kewartawanan perlu menilai semula pendekatan pengajaran mereka dan merancang kurikulum yang dapat mengimbangi penggunaan teknologi dengan prinsip-prinsip asas kewartawanan. Pendidikan perlu memastikan bahawa pelajar tidak hanya menguasai teknologi terkini tetapi juga memahami asas dan etika dalam kewartawanan. Oleh itu, pembelajaran praktikal seperti temu bual langsung, penyiasatan lapangan dan penghasilan artikel secara manual harus terus menjadi komponen penting dalam kursus kewartawanan.

Justeru, pada masa yang sama, pelajar juga perlu diajar tentang cara-cara untuk memanfaatkan teknologi dengan bijak seperti menggunakan AI sebagai alat bantu dalam proses penyelidikan atau pengumpulan maklumat tanpa mengabaikan prinsip-prinsip kewartawanan yang mendalam. Apa yang lebih membimbangkan ialah wujudnya normalisasi penggunaan AI dalam kalangan pelajar yang menganggap AI bukan sebagai bentuk penipuan tetapi sekadar alat bantu penulisan yang sah.

Beberapa pelajar yang menggunakan AI dalam tugas yang saya berikan menyatakan mereka hanya menggunakan AI untuk "memulakan" penulisan kerana tidak tahu cara hendak bermula. Fenomena ini menunjukkan satu situasi di mana pemahaman pelajar tentang batasan etika dan konsep keaslian dalam kewartawanan adalah sangat rendah. Jika kita membiarkan begitu sahaja, keadaan ini mungkin akan menggugat bukan sahaja integriti akademik institusi pendidikan, malah asas epistemologi pendidikan kewartawanan itu sendiri.

Kita perlu sentiasa ingatkan bahawa kewartawanan bukan sekadar menyampaikan maklumat atau berita, ia juga adalah satu amalan professional yang sangat tinggi yang berpaksikan kepada pencarian fakta, data, pemahaman terhadap dimensi kemanusiaan serta interaksi langsung dengan realiti social di masyarakat dan sekeliling kita. Jika seseorang terlalu bergantung sepenuhnya kepada kandungan

yang dijana AI dalam menghasilkan berita seperti temu bual bukan sahaja memutuskan hubungan dengan dunia sebenar.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, AI telah melangkaui peranannya sebagai alat bantu teknikal dan kini mula mengambil alih tugas-tugas yang dulunya eksklusif kepada wartawan daripada automasi laporan kewangan kepada penyusunan berita, penulisan artikel, penjanaan temu bual berdasarkan data suara dan penyuntingan kandungan. Malah, AI juga mampu mengedarkan berita mengikut profil pembaca dengan cara yang sangat tersasar dan bersifat algoritma atau melalui "*Big Data*". Maka wajar sekali kita bertanya: adakah wartawan akan digantikan oleh AI?

Jawapan kepada persoalan ini bukan bersifat hitam putih dan tiada tentu. Meskipun AI boleh meniru aspek teknikal kewartawanan, tetapi ia kekal lemah dalam menangani aspek-aspek yang memerlukan pertimbangan etika, empati, konteks sosial dan pertanyaan kritikal. Kesemua ini adalah satu kelebihan manusia yang tidak dapat diprogramkan sepenuhnya oleh AI. Justeru itu, cabaran sebenar dalam pendidikan kewartawanan hari ini bukan sekadar membendung penggunaan AI tetapi memanfaatkan AI secara bertanggungjawab tanpa mengorbankan nilai-nilai asas kewartawanan.

Satu soalan yang agak kabur, adakah telah tiba masanya untuk menilai semula pendekatan pedagogi dalam era pasca-AI? Kurikulum kewartawanan perlu berkembang seiring dengan teknologi namun prinsip asas seperti ketulenan, penyertaan aktif dan tanggungjawab sosial mesti terus diperjuangkan dan dipertahankan, terutamanya mendidik generasi wartawan akan datang, tumpuan seharus diberikan kepada membentuk wartawan yang bukan sahaja celik teknologi tetapi juga beretika, berani menyiasat dan mampu memahami dunia secara kritikal kerana dalam dunia yang penuh maklumat, kebenaran masih memerlukan suara manusia dan penyiasatan.

Penggunaan teknologi dalam AI bukan satu isu yang baru dibincangkan. Sekitar tahun 2018, majalah Jerman *Der Spiegel* terpalit skandal apabila wartawannya Claas Relotius didapati mereka-reka kandungan temu bual selama bertahun-tahun, walaupun pernah memenangi pelbagai anugerah. Yang paling ironi, ada yang mempersoalkan: "Kalau kandungan ini ditulis oleh AI, mungkinkah kita sudah lebih awal menyedari ia palsu?" Mungkin ya, dan mungkin tidak. Contoh yang lain, robot Quakebot milik *Los Angeles Times* mampu menyiarkan berita tentang gempa bumi di California enam minit lebih awal daripada wartawan manusia satu perbezaan yang

menandakan permulaan persaingan senyap antara AI dan wartawan dalam dunia kewartawanan.

Apa yang kita lihat sekarang, sebenarnya aplikasi AI dalam kewartawanan bukanlah sesuatu perkara yang muncul secara tiba-tiba. Ia merupakan hasil evolusi jangka panjang automasi berita, pemacu data dan penyebaran berasaskan algoritma. Bermula dengan penulisan laporan kewangan, kini AI mampu menjana bahasa semula jadi, menganalisis emosi, memproses imej dan menjadi penyampai berita maya. Keupayaan ini kini melangkaui fungsi alat bantu dan mencabar definisi tradisional tentang kewartawanan.

Sistem automasi berita merupakan salah satu bentuk awal penerapan AI dalam kewartawanan. Sekitar 2014, *Associated Press (AP)* bekerjasama dengan syarikat Automated Insights untuk menggunakan platform Wordsmith untuk menjanakan berita laporan kewangan korporat dan membolehkan penghasilan berita berskala besar dengan kos buruh yang jauh lebih rendah. Keadaan ini telah menjadikan "kecekapan" sebagai norma baharu dalam penghasilan berita. Sistem yang sama turut digunakan oleh agensi media lain. Ini menunjukkan AI bukan sahaja menghasilkan kandungan standard tetapi juga mampu membina struktur berdasarkan templat, mengenal pasti semantik dan menyesuaikan gaya yang sedia ada.

Namun begitu, sistem AI ini masih bergantung kuat kepada input dan pengawasan manusia. Contohnya, semua templat laporan Heliograf direka oleh editor dan setiap berita yang diterbitkan oleh *Quakebot* telah ditetapkan ambang seperti magnitud dan lokasi oleh wartawan. AI tidak pernah benar-benar menulis secara berdikari, sebaliknya beroperasi dalam sempadan yang ditentukan manusia.

Memang benar, untuk kandungan berstruktur seperti laporan keputusan sukan, data pasaran saham dan ramalan cuaca, AI menunjukkan ketepatan dan kecekapan yang luar biasa. Ia boleh mengekstrak maklumat yang penting daripada rangkaian data besar dalam masa sesaat dan menghasilkan penulisan yang gramatis dan teratur. Adakah ini merupakan satu penyelesaian yang menarik bagi organisasi media?

Namun hakikatnya, menulis berita bukan sekadar menghasilkan teks. Kewartawanan ialah satu proses memerhati, menilai dan menulis tentang dunia sebenar. Ia mengubah fenomena sosial kepada wacana awam, satu perkara yang AI masih belum mampu capai. Tugas wartawan melibatkan penyiasatan lapangan, interaksi bersemuka, pertimbangan kontekstual, dan pencarian kebenaran di sebalik

hubungan sosial yang kompleks. Dalam laporan yang lebih mendalam, penyiasatan dan naratif kemanusiaan, keterbatasan AI menjadi ketara.

Walaupun AI pantas dan produktif, ia kekurangan ciri penting sebagai seorang wartawan seperti kepekaan terhadap realiti yang kompleks, keadilan sosial dan empati terhadap emosi manusia. Tugas wartawan bukan sekadar "menyampaikan maklumat", tetapi "menyingkap makna".

AI tiada 'rasa kehadiran', ia tidak mampu masuk ke kawasan bencana dan berbual dengan saksi, tidak boleh berunding dengan pihak berkuasa di lokasi kejadian. Ia tidak mampu menilai sama ada seorang mangsa sedia ditemu bual, memahami kesedihan seorang ibu yang kehilangan anak, atau membuat keputusan etika tentang penerbitan sesuatu maklumat. Kedalaman "pengalaman manusia" inilah yang menjadi teras nilai kewartawanan dan ia tidak boleh digantikan, terutama tidak dapat digantikan oleh robot atau AI.

Selain itu, nilai berita bukan hanya pada kelajuan dan kuantiti, tetapi juga pada kekuatan naratif dan kedalaman kemanusiaan. Berita yang berkualiti bukan sekadar laporan kepada fakta, tetapi cerita yang membina hubungan emosi dengan khalayak. Ini memerlukan empati, kepekaan budaya, penilaian estetik dan kesedaran sejarah. AI mungkin boleh meniru gaya penulisan, tetapi tidak mampu memahami suka duka sebagai seorang manusia, apatah lagi mencipta naratif yang bermakna dan bernyawa.

Ketika pandemik COVID-19 mula melanda Wuhan China pada 2020, wartawan bebas China mengambil risiko memasuki kawasan perintah berkurung dan merakam video hospital yang beroperasi melebihi kapasiti. Mereka tidak berhadapan dengan isu data atau bahasa, tetapi ketakutan dan tekanan sebenar yang tidak mampu dialami AI.

Satu lagi fungsi utama berita ialah "mengawasi kuasa". Daripada skandal Watergate di Amerika, kebocoran Panama Papers, hingga ke skandal 1MDB di Malaysia, semuanya terhasil daripada pengawasan dan pendedahan wartawan terhadap kuasa. Ini adalah tanggungjawab yang tidak boleh dipikul oleh AI yang bersifat neutral secara teknologi.

Peningkatan kecekapan teknologi tidak bermaksud kehilangan peranan profesional. Namun, kita tidak dinafikan bahawa AI akan terus membentuk cara industri media beroperasi. Hakikatnya, risiko digantikan oleh AI tidak menyeluruh, tetapi tertumpu kepada wartawan yang tidak mempunyai pemikiran kritikal, tiada semangat asli, dan tidak peduli tentang masyarakat. Wartawan yang sekadar menyalin siaran media dan

menampal kandungan memang mudah dikalahkan AI. Sebaliknya, wartawan yang mampu menyiasat, mengemukakan persoalan kritikal dan memiliki ilmu merentas bidang akan lebih menonjol dengan bantuan AI.

Ekosistem berita masa depan berkemungkinan menjadi satu bentuk kolaborasi manusia-AI. AI akan menjadi pembantu wartawan, bukan pengganti. Ia akan membantu dalam pengumpulan latar belakang, analisis data, pemantauan trend media sosial, membolehkan wartawan menumpukan kepada penilaian kandungan dan membina makna sosial. Wartawan akan berubah daripada penulis semata-mata kepada kurator, penyelia dan penjaga etika dalam proses berita. Pendidikan kewartawanan juga perlu menyesuaikan diri dengan menambah literasi data, etika AI dan penyebaran pelantar silang dalam kurikulum.

Namun, kebangkitan AI turut menimbulkan pelbagai kebimbangan, antaranya ialah penularan berita palsu dan penggunaan meluas teknologi deepfake. AI mampu mencipta video, imej dan audio palsu dengan mudah, merosakkan kepercayaan masyarakat terhadap kebenaran maklumat dan mencetuskan krisis kepercayaan awam. Tanpa kehadiran wartawan manusia yang dapat menyaring dan mengesahkan maklumat, ekosistem berita akan menjadi kucar-kacir. Selain itu, sistem AI bergantung kepada algoritma dan data besar, yang boleh menjerat pengguna dalam “gelembung maklumat” dan menyekat kepelbagaian pandangan.

Apa yang lebih membimbangkan adalah kuasa di sebalik AI dikuasai oleh gergasi korporat. Ini bermakna pengeluaran dan penyebaran kandungan media mungkin dimonopoli oleh segelintir syarikat teknologi yang boleh mengugat dan mengancam kebebasan media. Jika algoritma boleh dimanipulasi, sudah tentu kandungan berita boleh menjadi alat kepentingan komersial atau politik. Dalam situasi ini, peranan wartawan menjadi semakin penting dan bukan lagi sekadar penyampai maklumat, tetapi penjaga ruang awam dan benteng terakhir menentang manipulasi algoritma.

Namun, kita juga harus akui bahawa AI memang berpotensi menggantikan kerja sebahagian wartawan terutamanya mereka yang hanya menampal berita siaran, tidak membuat liputan lapangan dan hanya mengejar tajuk sensasi. Jika wartawan tidak mempunyai keupayaan menilai secara bebas, tiada kemahiran menyiasat dan bergantung kepada templat, maka mereka lebih “mekanik” daripada AI.

Jika media hanya ingin menjimatkan kos dan menggantikan wartawan profesional dengan AI, maka mungkin berlaku ialah runtuhnya kredibiliti seperti yang berlaku baru-baru ini di Malaysia, apabila media dan agensi rasmi kerajaan menggunakan AI

untuk menjana reka bentuk bendera Malaysia, hasilnya adalah bendera yang tidak sempurna. Bendera yang tidak sempurna juga dipantau dan disemak semula mengundang kritikan daripada orang awam. Disebabkan kebergantungan dan kepercayaan membuta tuli terhadap AI, kesilapan itu tidak disedari.

Ini membuktikan ancaman sebenar AI bukanlah pada menghapuskan profesion wartawan tetapi pada menyingkirkan mereka yang tiada semangat profesional, lemah dari segi kemahiran dan cetek dalam wawasan kemanusiaan. Soalan sebenar bukanlah “bolehkah AI lakukan?”, tetapi “bolehkah kita lakukan lebih baik?”

AI akan terus terlibat secara mendalam dalam kewartawanan pada masa hadapan, peranan wartawan turut akan berubah secara menyeluruh. Mereka bukan lagi sekadar penulis tetapi menjadi kurator berita, pengawas algoritma dan pencerita kemanusiaan.

Pertama, wartawan perlu menguasai kemahiran teknologi seperti menggunakan alat AI, web crawler, pemproses bahasa semula jadi dan platform visualisasi data. Ini memerlukan kemunculan generasi baharu “wartawan teknologi” dan “wartawan pengaturcaraan”.

Kedua, wartawan akan memainkan peranan sebagai “pengawas etika AI”. Soalan seperti diskriminasi algoritma, keselamatan deepfake, dan privasi data menjadi isu yang perlu dijawab oleh wartawan zaman AI.

Akhirnya, kekuatan sebenar wartawan ialah kepercayaan dan naratif. Wartawan cemerlang akan menampilkan sudut pandangan yang unik, kepekaan budaya dan hubungan emosi yang mendalam. Dalam zaman AI mampu menjana ribuan artikel, nilai wartawan manusia terletak pada kedalaman kandungan, sentuhan emosi dan prinsip etika.

Revolusi teknologi tidak pernah memusnahkan sesuatu profesion, tetapi mereka yang enggan berkembang. Penciptaan mesin cetak tidak menghapuskan penyalin naskhah tetapi melahirkan penerbitan moden. Kamera digital tidak menghapuskan pelukis tetapi memperbaharui seni. Maka kebangkitan AI bukanlah penamat kepada kewartawanan.

Nilai wartawan bukanlah “bolehkah menulis”, tetapi “mengapa menulis”. AI boleh menjana kandungan tetapi tidak mampu merasai kehilangan. Ia boleh menyusun semula laporan tetapi tidak mampu membangkitkan semangat keadilan. Ia boleh

meramal turun naik saham tetapi tidak akan berada di lorong setingan menulis kisah seorang ibu yang meratapi anaknya yang hilang.

Justeru, daripada terus bertanya “adakah wartawan akan digantikan AI?”, lebih baik kita bertanya: “bagaimana wartawan boleh berkembang dan menyesuaikan diri dalam era AI?” Jawapannya terletak pada tiga perkara: pertama, tingkatkan celik teknologi dan kuasai alat AI; kedua, kembali kepada teras kewartawanan dan kuatkan keprihatinan sosial; ketiga, pegang teguh etika profesion dan perjuangkan kebenaran, ketelusan dan keadilan.

AI akan terus berkembang, dan industri berita akan terus berubah. Namun satu perkara yang pasti AI tidak mampu “merasai dunia”; ia boleh hasilkan “kandungan”, tetapi sukar mencipta “makna”. Berita sejati perlu disaksikan, ditanya, dirakam dan diceritakan oleh manusia. Wartawan wujud bukan kerana mereka pandai menulis, tetapi kerana mereka sanggup turun ke lapangan, memandang realiti, dan bertanya: “Apa sebenarnya yang berlaku?” Wartawan mungkin boleh diganti, tetapi wartawan sejati tidak akan dapat diduplikasi. Masa depan adalah milik mereka yang memeluk teknologi tanpa melupakan nilai kemanusiaan.

Maka, kita perlu berhenti risau tentang “digantikan”, dan mula tanya: “masihkah kita diperlukan?” Dalam zaman maklumat palsu dan krisis kepercayaan, lebih daripada sebelumnya, kita perlukan wartawan yang berani, beretika dan profesional untuk terus bertanya soalan paling asas: “Benarkah ini?”

Secara ironisnya, AI boleh meniru kebolehan wartawan tetapi tidak boleh menggantikan jiwa mereka. Berita sejati bukan tentang siapa yang menulisnya tetapi siapa yang sanggup berkorban untuk menyampaikannya.

Revolusi AI membuka ruang untuk *pengemaskinian profesyen*. Wartawan yang mampu menyesuaikan diri, menguasai teknologi, dan memperkukuh nilai kemanusiaan akan kekal relevan. Dunia kewartawanan bukan lagi tentang siapa yang paling pantas menulis tetapi siapa yang paling jujur dalam menyampaikan kebenaran.

Wartawan sejati tidak akan digantikan kerana mereka bukan sekadar penyampai maklumat tetapi mereka adalah saksi dunia dan saksi kepada sesuatu kejadian.